

PAC panggil 2 pihak jelas isu NFC

KUALA LUMPUR: Jawa-tankuasa Kira-Kira Wang Negara (PAC) akan memanggil wakil daripada Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani dan Jabatan Veterinar bagi memberi penjelasan berhubung prosedur operasi standard (SOP) penganugerahan kontrak projek Pusat Fidlot Nasional (NFC).

Pengerusi PAC Datuk Seri Azmi Khalid berkata, jawatankuasa itu bersetuju memanggil wakil kementerian dan jabatan memberi keterangan 26 Jun ini.

"Akan tetapi ia lebih kepada penjelasan SOP kontrak NFC sama ada mereka mematuhi SOP. Kami tidak akan menyentuh apa-apa berkaitan mahkamah yang boleh menimbulkan subjudis.

"Ia adalah dua bahagian. Satu, apabila wang (dana) itu hilang kami tidak mahu sentuh, (tetapi sentuh) ba-

gaimana keputusan dibuat sebelum memulakan projek," katanya kepada pemimpin berita selepas menghadiri mesyuarat PAC di bangunan Parlimen semalam.

Pada 12 Mac lepas, Pengerusi Eksekutif NFCorp Datuk Seri Mohamad Salleh Ismail, 64, didakwa menyeleweng

RM9,758,140 dalam kapasitinya sebagai pengarah NFC, bagi membiayai pembelian dua unit kondominium 'One Menerung' di Bangsar antara 1 dan 4 Disember 2009 di CIMB Islamic Bank Bhd, Taman Tun Dr Ismail.

Tuduhan kedua membabitkan pemindahan RM40 juta ke dalam akaun National Meat & Livestock Corporation Sdn Bhd, di mana Mohamad Salleh dan seorang daripada anaknya adalah pengarah, antara 6 Mei dan 16 November 2009. - Bernama